

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	06 JUNE 2017

Menangi perang ideologi keganasan - PM

u.m - 6/6/2017 pg. 3

Oleh KAMIL MASLIH
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 5 JUN

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, ancaman keganasan perlu ditangani tidak hanya dengan tindakan ketenteraan, polis dan kuasa penangkapan semata-mata kerana pemikiran ideologi golongan mereka yang terpesong juga wajar dimenangi.

Menurut Perdana Menteri, naratif dan pemahaman mengenai ajaran Islam yang sebenar perlu disebar luas dan diberi penekanan agar masyarakat tidak terpedaya dengan dakyah-dakyah songsang

daripada penganas.

Jelas beliau, serangan penganas yang mengorbankan banyak nyawa baru-baru ini di Kabul, Afghanistan; London dan Manchester di United Kingdom; Marawi, Filipina dan Jakarta, Indonesia merupakan insiden yang amat menyedihkan serta merupakan ancaman yang perlu dipandang serius.

“Kita hendak memerangi ancaman ini bukanlah dengan alat, bala tentera, polis dan kuasa-kuasa penangkapan sahaja tetapi lebih daripada itu, kita hendak memenangi perang ideologi.

“Ini untuk mereka memahami apakah Islam itu sebenarnya, apakah tuntutan Islam kepada kita

(masyarakat Islam),” katanya ketika berucap dalam Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Hadir sama, Menteri-Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein yang dilantik sebagai Menteri dengan Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri pada bulan April lalu.

Perdana Menteri berkata, masyarakat Islam juga wajar berhati-hati dengan ancaman ‘musuh dalam selimut’ kerana al-Quran telah menyatakan amaran mengenai golongan yang menyembunyikan kekufuran.

“Kita mesti pastikan tiada

golongan seperti itu di sisi kita, ini tanggungjawab kita semua. Peringatan Allah jadikan panduan agar Malaysia sebuah negara aman yang sentiasa mendapat rahmat Allah dan kita dapat menjalankan tugas membangunkan negara dan memastikan rakyat kita sejahtera,” katanya.

Dalam pada itu beliau memberitahu, penubuhan Pusat Keamanan Antarabangsa Raja Salman di negara ini merupakan pengiktirafan kerajaan Arab Saudi kepada Malaysia atas usaha membanteras naratif yang dikeluarkan oleh pihak-pihak yang radikal dan ekstremis.

“Saya baru balik daripada sidang Kemuncak Keselamatan di

Riyadh (Arab Saudi) di mana King Salman (Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud) telah memberi peluang saya berucap, hanya lima buah negara berucap daripada 51 negara, kita diberi penghormatan. Alhamdulillah ini kejayaan Malaysia,” katanya.

Dalam perkara berasingan, Najib memberitahu, pertumbuhan luar jangka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5.6 peratus pada suku pertama tahun ini dan nilai eksport bulanan negara yang buat kali pertamanya mencatatkan jumlah RM82.83 bilion pada Mac lalu perlu dijadikan asas untuk meneruskan lagi momentum ekonomi negara.



Kita hendak memerangi ancaman ini bukanlah dengan alat, bala tentera, polis dan kuasa-kuasa penangkapan sahaja tetapi lebih daripada itu, kita hendak memenangi perang ideologi.”

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri